

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI**  
**[ KUALA KRAI ]**

**TARIKH : 30 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**Dr. Mohd Hatta bin Md. Ramli [ Kuala Krai ] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat manakah persediaan yang dilakukan oleh SPR bagi proses persempadanan semula kawasan pilihan raya.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) **sedang melaksanakan** kerja-kerja pentadbiran sebagai persiapan awal untuk memulakan kajian urusan persempadanan semula bahagian-bahagian pilihan raya Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) bagi Negeri Tanah Melayu dan Sabah. Kerja-kerja tersebut membabitkan pengumpulan maklumat-maklumat pembangunan, pertambahan penduduk, pertambahan bilangan pengundi semasa dan seterusnya menyediakan draf laporan awal urusan persempadanan sebelum cadangan persempadanan SPR dimaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat dan Perdana Menteri berdasarkan peruntukan Seksyen 4 Bahagian II Jadual Ketiga Belas Perlembagaan Persekutuan.

Di samping itu, Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya bagi Negeri Sarawak telah pun selesai dilaksanakan oleh SPR apabila laporan akhir diserahkan kepada YAB Perdana Menteri pada 21 Ogos 2015. Tarikh tersebut juga diwartakan sebagai tamatnya

tempoh urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian  
Pilihan Raya bagi Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.